

**AMALAN BAIK PENTERNAKAN HAIWAN UNTUK
PERLADANGAN BURUNG WALIT SPESIS
AERODERMUS DAN PERUMAHANNYA**

**PENASIHAT
PERUNDING**

**DITULIS &
DISEDIAKAN**

**DATO' DR. HAWARI BIN HUSSEIN
DATO' DR. MATTA BIN ABD RAHMAN
DR. HJ. IBRAHIM BIN CHE EMBONG
DR. FADZILAH A'INI BINTI ABDUL KADIR**

**JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN
KEMENTERIAN PERTANIAN
MALAYSIA
*DEPARTMENT OF VETERINARY
SERVICE
MINISTRY OF AGRICULTURE***

Kandungan

PRAKATA

SEKSYEN 1 : PENGENALAN

SEKSYEN 2 : PENGUSAHA

- 2.1 Aplikasi Kod
- 2.2 Kepakaran dan Tanggungjawab Pengusaha
- 2.3 Kakitangan
- 2.4 Tanggungjawab Undang-undang
- 2.5 Rekod dan Pengenalan

SEKSYEN 3 : PERIHAL HAIWAN

- 3.1 Makanan dan Minuman
- 3.2 Pengendalian
- 3.3 Kekangan
- 3.4 Pembiakan
- 3.5 Membuat Sarang
- 3.6 Cerai Susu
- 3.7 Penjagaan Kesihatan Gerompok
- 3.8 Euthanasia

SEKSYEN 4 : KEBERSIHAN (HYGIENE)

SEKSYEN 5 : ALAM SEKITAR DAN FASILITI

- 5.1 Premis Burung Walit

SEKSYEN 6 : KEPERLUAN TERTENTU UNTUK SESUATU SPESIS

- 6.1 Burung Walit

SEKSYEN 7 : PENGANGKUTAN

- 7.1 Perkara Am
- 7.2 Pemindahan Jarakjauh
- 7.3 Mengangkut dan Memunggah
- 7.4 Kenderaan dan Kontena

SEKSYEN 8 : KEPERLUAN RUANG 'SPACE REQUIREMENTS'

- 8.5 Pengasingan
- 8.6 Makanan, Air dan Rehat
- 8.7 Pengendalian
- 8.8 Fasiliti Menyimpan Haiwan
- 8.9 Pengendalian tertentu dalam Pengendalian Burung yang Cedera, Sakit atau Burung yang Mengalami Kecacatan
- 8.10 Standard Minima

APENDIKS 1

Penyakit-penyakit yang wajib diberitahu mengikut Organization of Epizootic (OIE)

APENDIKS 2

Pengangkutan urung-burung

APENDIKS 3

Prosidur Kecemasan

APENDIKS 4

Formula makanan untuk anak burung yatim

APENDIKS 5

Kitaran tahunan pembiakan burung walit bersarang putih

APENDIKS 6

Luas kawasan yang disyorkan untuk membuat sarang burung walit

APENDIKS 7

Animal Importation Order, 1962

APENDIKS 8

White-nest Swiftlet (*Aerodramus ciphagus*)

AMALAN BAIK PERTERNAKAN HAIWAN UNTUK PERLADANGAN BURUNG WALIT SPESIS AERODERMUS DAN PERUMAHANNYA

PRAKATA

Amalan Baik Perternakan Pentadbiran Haiwan, disediakan pada peringkat nasional dan ianya melakarkan garis panduan bagi penjagaan serta pengurusan untuk berbagai-bagai haiwan. Garispanduan ini mengandungi aspek perumahan, pengangkutan dan amalan-amalan pentadbiran perladangan burung Walit.

Tujuan hakikinya adalah untuk mengembangkan CAHP ini dikalangan pelbagai pihak untuk memastikan kebajikan dan perilaku semulajadi haiwan yang diperladangkan selamat. Tiada caj dikenakan untuk CAHP, ini menunjukkan sokongan yang diberi untuk melaksanakannya.

CAHP adalah sukarela dan ianya berperanan sebagai satu daripada sumber tatacara perladangan atau perternakan dan mengambilkira kebajikan yang baik. CAHP mengandungi cadangan-cadangan bagi membantu tuanpunya, pengusaha dan lain-lain yang berkaitan dengan industri ini untuk membanding dan memperbaiki amalan pentadbiran perternakan mereka sendiri.

Kod Amalan Status Kawalselia

Kod ini pasti akan dijadikan lampiran (*adjunct*) pada pakar/testimoni didalam kaji semula Ordinance Haiwan 1953. Salinan ini tidak boleh dengan sendirinya dijadikan sebagai memastikan komplians atau syarat kesahihan undang-undang berkenaan sesuatu operasi. Kod mengandungi garispanduan yang dicadangkan dan bukannya standard yang diwajibkan.

SEKSYEN 1 - PENGENALAN

Penuaian sarang burung Walit dari gua-gua secara komersial telah dijalankan sejak 100 tahun dahulu di Malaysia. Hasil penuaian pertama adalah dari Cua Niah, Sarawak pada tahun 1878. Sejak sedekad kebelakangan ini, pengusaha telah cuba menerokai halaman baru dalam penuaian sarang burung Walit ini. Ianya dari perspektif perladangan yang berperikemanusiaan, ekonomi, lestari pada populasi burung Walit serta bersifat mesra alam berbanding cara tradisi. Spesis dan bilangan burung Walit telah banyak berkembang dan berhijrah dari hutan ke desa dan bermastautin di bandar. Semenjak itu, industri burung Walit ini telah berkembang.

Burung Walit berada didalam *Order Apodiformes* bermakna *tiada berkaki* dan mereka ini **tidak berupaya** di tanah. Burung ini mempunyai kuku mencengkam yang kuat. Saiz burung Walit adalah kecil. Yang terbesar panjangnya berukuran 13sm dan yang terkecil sekadar hanya 7.5sm. Burung Walit berkelompok besar dan suka pada kawasan dimana ada banyak cerok-cerok bukit dan gua. Mereka ini membiak di dalam gua atau di premis yang berkeadaan seakan gua. Mereka ini mengguna ekolokasi (*echolocation*) serupa dengan cara kelawar, untuk ter-bang (*navigate*) dalam keadaan gelap.

Sarang burung berharga dan diteroka disebabkan ianya mengandungi sedikit sahaja bulu serta bahan yang tidak bofeh dimakan. Tuaian berjuta-juta dihasilkan setiap tahun di Malaysia daripada gua dan premis yang komersial.

Burung Walit dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai iklim dan habitat. Sarang burung Walit adalah sarang burung yang paling dikagumi. Sarangnya tiada berliku-liku, berwarna-warni atau menawan. Masyhurnya Sarang Burung

Walit disebabkan ianya adalah ramuan asas sup sarang burung di merata dunia.

Kehidupan ala-bandar:

Makanan asas Burung Walit adalah serangga yang ditangkap semasa berterbangan. Aktiviti hairan seterusnya, membuat sarang diantara batu-batan dan simen di dalam atau sisi bangunan di bandar dan Kota Raya. Mereka ini terbang pantas sambil mengkilas serta menembusi ruang udara diantara jalan-jalan dan rumah - mencecah dinding, mencelah antara ruang yang kecil dan terus terbang ke awan. Dalam masa yang sama, mereka akan mengeluarkan kicauan yang bernada tinggi (*high pitched*). Dari pandangan Burung Walit, dinding perumahan adalah seakan 'permukaan batu-batan', dan ruang diantara dinding atau atap membuka peluang untuk membuat sarang di dalam 'gua'. Oleh kerana persekitaran bandar sangat sesuai dan selesa, ini menjadikan sedikit sahaja Burung Walit yang membiak di habitat asal di hutan rimba.

Didalam mencatatkan Amalan Baik Perladangan Haiwan, beberapa perkara diambil kira iaitu:

1. Keperluan fizikal dan perilaku haiwan pembiak dan bukan pembiak;
2. Perlakuan berperi-kemanusiaan;
3. Keselamatan manusia;
4. Kesselesaian pengurusan haiwan, dan
5. Keuntungan yang baik bag! premis.

'Lima Kebebasan', sebagai kayu pengukur bag! kebajikan haiwan adalah:

- >• **Bebas dari lapar dan dahaga.**
- >• **Bebas dari ketidakelesaian kehangatan dan fizikal. >• Bebas dari kesakitan, kecederaan dan penyakit. > Bebas dari keresahaan.**
- >• **Bebas untuk mempamerkan perilaku dan fisiologi yang semulajadi.**

Kod ini mengkaji semula berbagai-bagai Amalan Baik Penternakan Haiwan dan penulisan dari pelbagai bahan rujukan di arena Antarabangsa.

SEKSYEN 2 - PENCUSAHA

2.1 Aplikasi Kod

- 2.1.1** Cadangan Amalan Baik Kod ini, mengariskan kriteria yang menyarankan standard yang tinggi berhubung penjagaan dan kebajikan haiwan. Kod ini akan dikembarkan bersama legislatif Kerajaan, dalam urusan perlesenan, perladangan burung, premis-premis haiwan, mengesahkan spesis yang boleh di ternak/ diperladangkan/dibiak, mengenakan ukuran dan standard untuk fasiliti, tag, keperluan, pengangkutan, import dan eksport, kawalan penyakit, penyingkiran, membunuh secara berperikemanusiaan, makanan dan minuman, kurungan yang diperlukan serta densiti stok.
- 2.1.2** Industri haiwan Malaysia memperakui dokumen ini adalah dinamik dan ianya selari dengan teknologi yang sentiasa berubah, penemuan yang saintifik, dan dari pengalaman kumulatif sesebuah industrl.

- 2.2.1 Sesiapa yang berkerja dengan burung eksotik mesti mengetahui dan bertanggungjawab untuk mengelakkan dari berlakunya sebarang ketidakselesaian. Pengusaha dipertanggungjawabkan untuk melatih pekerja berkenaan mengendalikan secara baik, penggunaan alatan dan penjagaan burung. Pekerja mesti mengikut prinsip ini sepanjang masa. Burung Walit boleh mengalami tekanan jika pengendalian tidak dijalankan dengan baik. Apabila seekor burung dipegang, ia berada dalam posisi yang selesa. Cara yang terbaik adalah dengan kedua-dua kepaknya dikapitkan ke sisi badan beserta kakinya dilipatkan dibawah badannya.

2.2 Kepakaran dan Tanggungjawab Pengusaha

Sebelum kakitangan diberi tugas tertentu, mereka ini perlu diberi penerangan asas berkaitan mengendalikan burung berdasarkan umur dan jantainya. Pengetahuan berkenaan sifat semulajadi burung walit ini perlu ada dalam mengendalikan haiwan ini. Kemudahan mesti mencukupi, dan ianya adalah mus-tahak dalam mengendalikan haiwan ini dengan selamat. Latihan prosedur secara praktikal perlu berterusan untuk memastikan kecekapan dan keselamatan.

- 2.2.2 Ciri-ciri burung yang tidak sihat mungkin tidak ketara. Kakitangan perlu peka dan berkebolehan mengenalpasti perilaku yang menunjukkan haiwan yang tidak sihat dan apakah ianya perlu dibawa dengan kadar segera kepada seorang Doktor Perubatan Veterinar.
- 2.2.3 Pengusaha mesti pastikan kemudahan pengendalian yang mencukupi serta pagar keliling untuk keselamatan pada haiwan, pekerja dan pelanggan. (Apendiks 2: Tanggungjawab Pengusaha).

2.3 Kakitangan

- 2.3.1 Kesemua kakitangan perlu mengetahui tanggungjawab masing-masing serta pengendalian cekap berkenaan burung ini.
- 2.3.2 Ia adalah kewajipan tuan punya untuk memastikan kesemua kakitangannya cukup berpengetahuan bagi mengendalikan haiwan dibawah jagaan mereka.

2.4 Tanggungjawab Undang-Undang

Ianya adalah satu kesalahan dibawah 'Animals Protection Act 1960 -Akta 1960 Perlindungan Haiwan' untuk menyebabkan sebarang kesakitan atau keresahan yang boleh dihindarkan terhadap seekor haiwan/burung. Kod pecah amanah yang disediakan, walaupun tiada kesalahan, tetapi boleh dijadikan bukti untuk menunjukkan kesalahan kepada sesiapa yang diajukan yang telah menyebabkan kesengsaraan dibawah Akta ini.

2.4.1 Definisi Kezaliman dan Pengabaian adalah:

Ianya tidak boleh diterima sama sekali mana-mana orang/pihak:

Menganiayakan **mana-mana haiwan dibawah jagaan atau pengawaseliannya.**

Mengabaikan **mana-mana haiwan yang menyebabkan ianya mengalami kesakitan, ketidakselesaan ataupun keresahan.**

Gagal Memberi **keperluan bahan-bahan makanan yang mencukupi untuk menampung be rat badan dalam keadaan fisiologi biasa bagi spesis, jenis, umur, serta jantina selari dengan keadaan keliling semasa.**

Membuang atau Mengeluarkan **mana-mana bahagian daripada anatomi haiwan itu tanpa memberi ubat pelali yang mencukupi.**

Mematikan, Mengurung, Memegang **atau Membawa mana-mana haiwan dalam keadaan yang boleh dihindarkan menyebabkan kesakitan, ketidakselesaan dan keresahan.**

2.4.2 Sekiranya haiwan diabaikan, dinafikan, keperluan asasnya atau dizalimi atau dianiaya, maka menjadi kewajipan dan tanggungjawab semua untuk melaporkan kepada pihak berwajib.

2.4.3 Kejahilan adalah bukan alasan untuk melakukan kezaliman keatas mana-mana haiwan. Kesalahannya tertakluk dalam **Kod Jenayah di dalam Ordinan Haiwan 1953.**

2.5 Rekod dan Pengenalan

2.5.1 Rekod kesihatan dan pengeluaran (sarang burung) mesti dicatatkan. Setiap premis atau urusniaga haiwan ini perlu ada nombor pengenalan yang senang dibaca dan unik (tersendiri). Satu peraturan piawaian inventor! yang tidak boleh dilupakan akan dikuatkuasakan dan dipantau oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan bersama Jabatan Kerajaan Tempatan dalam masa yang terdekat.

2.5.2 Rekod yang perlu ada adalah: Spesis, cara mendapatkannya/cara memusnahkan, tempoh pegeraman, tarikh tetasan, angka kelompok/kumpulan, premis mana telur yang bernas didapati dan tuannya. Tarikh dan tatacara mana-mana rawatan atau ubatan, catatan pembiakkan, rekod darah keturunan (*bloodline*) dan pembiakbakaan juga boleh dimasukkan sekali.

2.5.3 Pengenalan yang tidak luput tag (transponder/cincin) pengusaha pembiak asal induk adalah diperlu untuk pengesahan sah tuannya. Pada masa akan datang, Pejabat Registra Haiwan Nasional, akan terletak di Ibu Pejabat jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kuala Lumpur. Perlesenan tahunan akan dimestikan, dan selari dengan pemeriksaan wajib kesihatan burung serta premis yang telah didaftarkan oleh pihak Veterinar dengan kelolaan bersama Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kesihatan.

2.5.4 Industri ini mengalakkan tatacara baru untuk mengenakan pengenalan dengan menggunakan transponder¹, yang akan menjadi lumrah pada masa depan. Kod standard transponder untuk Malaysia dan diiktiraf oleh SIRIM², adalah 15 digit seperti berikut:

458	1		
kod negara (Malaysia)	kod haiwa	kod kilan	sekuens

SEKSYEN 3 - PERIHAL HAIWAN

3.1 Makanan dan Minuman

Anak burung walit dibesarkan dengan memakan bolus serangga dan dibesarkan di premis dibawah pengawaselian yang ketat atau tempat yang tertutup oleh ibu burung ini sehingga dewasa.

Burung Walit boleh mendapatkan air minuman dari air suling, air JBA*, sungai, kolam atau takungan air. Jika airtakungan disediakan disebelah dalam bangunan/premis ianya perlu kerap dibersihkan atau diletakkan *abate* di dalamnya untuk mengelakkan membiaknya nyamuk Aedes atau serangga merbahaya yang lain. Takungan air ini diadakan untuk menyejukkan premis dalam burung ini (tidak dibenarkan ada sebarang takungan air sekarang).

¹ Transponder - Alatan mikrochip untuk pengenalan

² JBA - Jabatan Bekalan Air

Kini, sejenis alat humidifier yang boleh digunapakai/ digalakkan diguna untuk mengawal

kelembapan dalam premis.

- 3.1.3 Apabila keadaan sekeliling, cuaca, atau densiti stok yang tinggi, menyebabkan tiada cukup makanan harian yang diperlukan, bolus serangga tambahan boleh diadakan.
- 3.1.4 Keperluan zat galian surih yang tertentu boleh diberi sebagai makanan tambahan. Burung eksotik mungkin ada keperluan tersendiri untuk Kuprum (Cu), Selenium (Se), atau Kobalt (Co) berbanding dengan haiwan yang biasa.
- 3.1.5 Apabila member! makanan kepada eksotik, pastikan citarasa mereka dari segi jenis dan cara pemakannya.
- 3.1.6 Keperluan makanan untuk tumbesaran anak, betina yang mengeram dan burung jantan adalah berlainan.
- 3.1.7 Makanan yang tidak biasa, jika hendak diberi, hanya setelah dari kajian menunjukkan tiada kesan sampingan yang ketara terhadap kesihatan haiwan atau keselamatan dari segi produk akhir.
- 3.1.8 Makanan jika hendak disimpan perlu disimpan dalam keadaan baik dan boleh menghidarkan ianya bercendawan/kulat dan dikontaminasi daripada burung, tikus dan serangga (lihat bawah tajuk stor). Kualiti makanan, terutamanya aktiviti vitamin, akan menurun apabila disimpan. Tarikh luput pengilang mesti diikuti.

3.2 Pengendalian

- 3.2.1 **Semua burung jika perlu dipegang perlulah dipegang dengan cermat dan penuh kesabaran. Teknik dipegang burung Walit dibiasakan dengan fasiliti pengurusan harian bagi berbagai peringkat umur dapat dikurangkan jika ketegangan.**
- 3.2.2 **Burung Walit perlu hanya dipegang oleh beberapa orang sahaja. Bunyi yang tidak biasa dan cahaya mesti dijauhkan daripada burung ini.**
- 3.2.3 **Haiwan mesti dihindarkan dari ketegangan dan kecelakaan oleh sebab dari haiwan lain, terlalu kerap dipegang atau pencerobohan dari orang luar.**

3.3 Kekangan

- 3.3.1 **Kekangan diperlukan untuk prosidur mengenakan tag atau memberi ubatan.**
- 3.3.2 **Penggunaan agen '*immobilizing*' semasa hanya wajib dan dihadkan kegunaannya oleh Doktor Perubatan Veterinar atau pegawai bawahan yang diberikuasa tetapi mesti dibawah Awasan Doktor Perubatan Veterinar yang diiktirafkan sahaja.**
- 3.3.3 **Ubat '*immobilizing*' tidak boleh digunakan dimana burung Walit mungkin tercedera atau dimana burung akan jadi tidak tentu arah atau tersisih dari pengendalian manusia, contohnya dekat kawasan berair, hutan rimba atau lereng yang curam.**
- 3.3.4 **Selepas burung diberi ubat immobilizer, ia perlu diletakkan di dalam gelap, dikongkong, di kawasan datar yang kering dan dipantau untuk mengelakkan ianya mengalami trauma,**

regurgitasi atau parah disebabkan kemalangan. Cara yang terbaik adalah membalut burung yang dibius dengan tuala (pastikan ia boleh bernafas) untuk mengelakkannya darimengalami hipotermia (kesejukan yang amat).

- 3.3.5 Burung yang sedar daripada bius akan berkelakuan ganjil dan mungkin membahayakan diri sendiri atau diserang oleh objek lain.

3.4 Pembiakan

- 3.4.1 Burung Walit selalunya mengawan diudara semasa berterbangan. Burung ini hanya berpasangan dengan seekor sahaja seumur hidupnya dan hanya akan mencari pasangan baru jikalau pasangannya mati. Jantan yang berlainan spesies hanya akan mengawan dengan spesiesnya sahaja.
- 3.4.2 Burung Walit menggunakan strategi pembiakan dengan kaedah multi-pengeraman (mereka akan mengeluarkan seberapa banyak gugusan telur dan menetaskan seberapa banyak anak yang boleh semasa keadaan cuaca baik). Sesetengah spesies bertelur 2 biji dan ada yang bertelur hanya sebiji.
- 3.4.3 Di Latitud yang tinggi, musim bertelur Burung Walit adalah singkat dan sebaliknya di paras laut rendah (*low latitudes*). Lihat Apendiks 5 - **Musim bertelur**).
- 3.4.4 Apabila kelompok telah terbentuk, penukaran diantara populasi sangat jarang. Apabila menambahkan bilangan burung elok dilakukan secara pasangan dan bukan secara seekor sahaja.

3.5 Membuat Sarang

- 3.5.1 Kedua-dua jantan dan betina berkerjasama membina sarang terutamanya pada malam hari.
- 3.5.2 Pastikan kayu beluti yang digunakan pada mana burung membuat sarang tiada serangga perosak terutamanya sebelum tiba musim membiak.
- 3.5.3 Pembetulan pada palang-palang kayu disyorkan untuk mengelakkan kecelakaan pada burung dan manusia.
- 3.5.4 Canggian yang minima semasa musim pengeraman dan membuat sarang.
- 3.5.5 Mana-mana sarang yang tertinggal mesti segera dialihkan sebelum burung bertelur. Burung akan segera membuat sarang baru.
- 3.5.6 Anak burung yang dialihkan dari sarang yang rosak perlu segera dijaga secara anak angkat. Anak burung piatu mesti diberi makan secara paksa dalam bentuk bolus serangga setiap 2 jam dan dihindar dari kesejukan.
- 3.5.7 Lihat **Apendik-4 Formula Makanan Anak Burung Yatim**.
- 3.5.8 Mana-mana telur yang diimport perlu mengikut garis panduan Order Pengimportan Haiwan, 1962. Lihat **Apcndik-5. Peraturan Pengimportan Telur Bernas ke Negara Malaysia**.

3.6 'Fledgling'

- 3.6.1 Apabila menetas anak burung Walit tidak berbulu, buta selama 20 hari.
- 3.6.2 Anak burung mula memakan bolus serangga pada umur 7-9 hari dan mula minum pada umur 10 hari.
- 3.6.3 Ibu mengasoh anak selama 5 minggu '*nestlings*'. Anak burung diberi makan setiap 30 minit dengan bolus serangga sebanyak 1.7 gm daripada kedua-dua ibubapa.
- 3.6.4 '*Fledgling*'* iaitu meninggalkan sarang oleh anak burung berlaku pada limur 3 bulan.

3.7 Penjagaan Kesihatan Gerompok

- 3.7.1 Semua pengusaha Burung Walit mesti biasakan mengenali tanda-tanda penyakit burung Walit.
- 3.7.2 Mana-mana Burung Walit atau telur yang bernas yang dijual mesti tidak berpenyakit dan tidak cacat. Semua burung mesti diuji untuk parasit luar dan dalam sebelum dijual. Semua anak mesti diberi ubat pelali dari parasit luar dan dalam sebelum dijual.
- 3.7.3 **AWAS!** apabila hendak mengumpulkan burung yang baru ke kelompok yang sedia ada, berdasarkan keserasian dan penyakit.
- 3.7.4 Premis dan burung perlu kerap diperiksa.
- 3.7.5 Program keseluruhan kesihatan gerompok perlu ada berdasarkan rundingan dengan pihak Veterinar. Apabila penyakit atau trauma dikenalpasti, rawatan segera yang patut diberi untuk menjaga kesihatan burung yang lain dan untuk mengelakkan tersebarnya penyakit.
- 3.7.6 Burung yang sakit atau cedera mesti dirawat dengan segera. Mana-mana burung yang sakit mesti dialihkan dari sarang atau premis berkenaan dan diasingkan dari burung yang lain. Perhatian! Haiwan eksotik yang cedera mesti dirawat dengan segera. Penjagaan Doktor Veterinar mungkin diperlukan. Jika boleh, rujuk Pegawai Veterinar apabila berlakunya penyakit.
- 3.7.7 Haiwan yang tidak boleh dirawat, perlu dimatikan secara berperikemanusiaan.

¹ Fledgling - Burung boleh berdikari

- 3.7.8 Haiwan yang mati mesti diluputkan secepat mungkin, melainkan ¹ jika hendak pengesahan perihal mengapa sekor burung itu mati. •
- 3.7.9 Jika mortaliti dipersoalkan, bedah siasat mesti dilakukan. Ianya • dijalankan oleh seorang Doktor Perubatan Veterinar, jika terdapat apa-apa pertemuan mesti dicatatkan dan dilaporkan ke **Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kuala Lumpur.**
- 3.7.10 Cara untuk memantau kesihatan gerompok mesti diselaraskan oleh pihak berwajib.
- 3.7.11 Jika berlaku mana-mana penyakit yang wajib dihebahkan (*reportable disease*), atau mana-mana

penyakit yang mencurigakan ia wajib dilaporkan kepada Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kuala Lumpur seperti di (Apendiks-3) yang telah digariskan oleh Akta Kesihatan Haiwan Malaysia.

3.7.12 Dimana ada kes yang positif, pengusaha, pengendali atau tuannya mesti dengan segera mengikut garis yang tertentu yang telah termaktub Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Malaysia.

3.8 EUTHANASIA (mematikan dengan berperikemanusiaan)

3.8.1 Jika sesekor burung setelah dirawat untuk memulihkan kesihatan atau membaikpulih trauma tidak berjaya, praktikal maka haiwan mestilah dimatikan dengan berperikemanusiaan.

3.8.2 Pegawai Veterinar boleh memberi nasihat bagaimana ianya boleh dilakukan.

3.8.3 Nasihat Doktor Perubatan Veterinar dalam tatacara yang paling baik untuk mematikan haiwan mesti diikuti.

SEKSYEN 4 - KEBERSIHAN (HYGIENE)

4.1 Rumah burung, persekitarannya dan mana-mana peralatan yang di dalamnya mesti disimpan bersih supaya haiwan selesa dan hindar dari penyakit.

4.2 Semua premis burung Walit, mesti dibersihkan dan dihapus kuman menggunakan ubat pembasmi kuman disyorkan sekurang-kurangnya sekali seminggu.

4.3 Alat pembersih dan disinfektan yang dipilih mesti berdasarkan kesesuaiannya, keselamatan dan efektif (pastikan disinfektan tidak bahaya pada burung dan telurnya). Cunakan ubat ini mengikut arahan pengilang.

4.4 Semua premis burung Walit mesti sentiasa kering.

4.5 Guano (najis Burung) mesti dipungut selalu dan jangan dibiarkan menimbun. Ianya boleh dijadikan tempat biaknya parasit yang boleh membawa penyakit. Guano perlu diperiksa untuk ekto parasit. Jika terdapat sebarang parasit ianya perlu dibasmi dan guano di luputkan mengikut garispanduan Jabatan Alam sekitar dan Sains.

4.6 Semua bekas di dalam premis dihapus kuman semasa guano dipungut.

4.7 Fasiliti untuk membasuh perlu ada dan ianya bersambungan dengan premis. Kebersihan premis dapat menghindarkan penyakit zoonosis.

4.8 Semua premis mesti sediakan 'footbath'*. Footbath diletakkan dipintu masuk dan keluar. Pastikan footbath sentiasa berisi air yang dicampurkan dengan disinfektan yang disyorkan.

4.9 Semua premis mesti hanya ada satu pintu untuk masuk dan keluar. Disyorkan membina 'double-door' (pintu dua lapis) untuk keselamatan.

footbath - takungan air berubat untuk membasuh kasut sebelum masuk ke premis tertentu.

4.10 Pengusaha mesti menyediakan alat pemadam api di setiap tingkat rumah burung Waiit. (Alat pemadam api ini wajibkan kerap diperiksa secara tetap oleh pihak berwajib).

4.11 Prosidur pembedahan (SURGERI) dan memberi ubat.

4.11.1 Ubatan yang dibenarkan untuk diberikan kepada burung adalah terhad.

4.11.2 Rekod kesihatan mesti dikemas kini dan masa *withdrawal* ubatan (didokumentasi untuk lembu dan kambing) di ikut dengan tertib dan tidak terlewat.

4.11.3 Mana-mana pembedahan jika hendak dilakukan mesti dijalankan oleh Doktor Perubatan Veterinar yang diiktirafkan. Akta Vetrinar membenarkan pembedahan kecil dilakukan oleh bukan Doktor Perubatan Veterinar tetapi dibawah awasan Doktor Perubatan Veterinar.

SEKSYEN 5 - ALAM SEKITAR DAN FASILITI

5.1 Premis Burung Walit

Perumahan atau premis burung Walit ini mesti terletak pada jarak minima iaitu 100 meter daripada bangunan terdekat dari mana-mana bangunan tempat tinggal atau kawasan perumahan. In adalah jarak minima bag! pencemaran bau dan bunyi yang digariskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Atau pun, rumah Burung Walit ini dibina diatas tanah bertaraf pertanian/kawasan industri. Pembinaan perumahan Burung Walit ini di tengah-tengah Bandar adalah dilarang sama sekali. Dilarang sama sekali perusahaan perladangan Burung Walit ini di dalam mana-mana binaan Warisan Housing. 'Ghost fown'/atau bandar tinggal, kawasan dimana terdapat aktiviti manusia yang minima dan dimana bangunan dibiarkan reput atau kosong, permit untuk perladangan Burung walit boleh diperlakukan dengan syarat mendapat kelulusan

keizinan Penguatkuasaan Pebandaran Tempatan masing-masing.

5.1.1 Premis Burung Walit mesti berupaya mengadakan keadaan mikroclimat yang sesuai (ini berdasarkan kondensasi air, tahap abuk, amonia dan karbon dioksid) berbanding dengan keadaan cuaca biasa yang selalu bertukar pada sesuatu tempat.

5.1.2 Sistem ventalasi mesti berupaya mengekalkan suhu yang sesuai dengan jitu untuk mengelakkan terlalu panas, bahang (tidak lebih dari 30°C), atau kesejukan (tidak kurang dari 23°C) kepada burung atau anaknya.

5.1.3 Rumah burung mesti mempunyai ventilasi yang tidak lembab. Pastikan pembinaan sarang di tepi tingkap atau pintu dilindungi dari kehangatan matahari.

5.1.4 Ketinggian rumah seeloknya melebihi 15 kaki. Luasnya melebihi 20 kaki persegi.

5.1.5 Semua rumah Burung Walit perlu ada belebas (perch area) untuk burung ini menengek (terbalik) mengikut keperluan spesis. Sekeping papan atau kayu melintang di siling adalah mencukupi.

5.1.6 Aviaries[^] mesti cukup luas untuk burung ini terbang dimana ia berupaya membuka kedua-dua

sayapnya secara maksima. Ada spesies Burung Walit yang memerlukan bumbung yang tinggi. Lihat Apendiks-8 untuk (Keperluan Dimensi *Szrang/Nesting Dimensions Requirement*).

- 5.1.7 Aviaries mesti kalis tikus, ular, biawak dan mana-mana haiwan pemangsa.
- 5.1.8 Seperti mana haiwan yang lain, premis Burung Walit mesti di periksa setiap hari oleh seorang pekerja yang berpengalaman.

⁶ Aviaries - rumah atau bangunan yang dibina khas untuk burung. Disediakan alam sekitar sesuai untuk sesuatu spesies unggas.

- 5.1.9 Burung yang baru perlu dikuarantin dan dibiarkan di berasingan dalam rumah barunya untuk beberapa. Dipastikan gangguan yang minima sebelum ianya dibi bergaul dengan populasi burung yang sedia ada dengan teliti.
- 5.1.10 Situasi extensif contohnya Burung Walit, memantau secara dari mengganggu burung ini lebih baik.
- 5.1.11 Suhu persekitaran perlu dikekalkan pada tahap yang d mengurangkan tegangan, tetapi suhu ditingkatkan untuk ; burung jika *perlu* (antara 30°C hingga 37°O).
- 5.1.12 Semasa musim tengkujuh, haba mesti disediakan. Mengawafs suhu dan ventilasi perlu dilakukan berterusan.
- 5.1.13 Burung tidak boleh didedahkan pada bahang atau pancar matahari contohnya dekat dengan lubang-fubang, me/aink disediakan cucur atap teduhan dan ventilasi yang sesuai. Jfi burung menunjukkan tanda-tanda keresahan, mereka hart dipmdahkan dari persekitaran itu.
- 5.1.14 Lampu mesti ada semasa kecemasan. Untuk memantau pad, malam hari, lampu yang malap/cahaya infra-meraf (*incandesant*). *Perlu* diingatkan lampu ini tidak mengeluarkan bahang.
- 5.1.15 Notis amaran yang sesuai mesti diletakkan di lokasi yang strategik.
- 5.1.16 Rekaan premis Burung Walit mesti mengambil kira keselesaan untuk memeriksa burung, kesenangan mencuci dan mengawalselia makan dan air.
- 5.1.17 Permukaan dalam premis dimana burung ini akan bersentuhan, mesti dibina dengan bahan binaan yang tidak kalis air, tegap dan dari bahan yang boleh dibasuh. Sambungan dan bucu mesti sambung dengan rapi
- 5.1.18 Kesemua permukaan dalam mesti licin dan tiada bucu-bucu tajam yang boleh mencederakan burung ini.
- 5.1.19 Lantai perlu kalis tikus dimana lapisan galvanised (1 meter panjang setiap kepingan) diletakkan. Salah satu dari hujung kepingan di tanamkan kedalam lantai.
- 5.1.20 Lantai premis mesti daripada konkrit.

- 5.1.21 Kesemua alatan mesti diperiksa selalu untuk memastikan ianya dalam keadaan baik sentiasa.
- 5.1.22 Disarankan premis burung dilengkapkan dengan alat pengesan asap (smoke detector), sprinkler dan alatan pemadam api lain yang sesuai. Perlu disediakan ruang masuk/keluar untuk pemindahan segera untuk burung semasa kecemasan berlaku.
- 5.1.23 Di atas tanah pertanian. Panggilan burung (rakaman kicauan burung Walit) hanya boleh dimainkan daripada jam 7.00 a.m hingga 12.00 p.m dan di halakan ke langit. Selepas itu ia dibenarkan dimainkan dari jam 5.00 p.m hingga ke 7.30 p.m. Di dalam premis rakaman kicauan dibenarkan dimainkan 24 jam. Desible yang dibenarkan ialah ia tidak boleh melebihi desibel⁷ dengan getaran frekuensi⁸ 6hz iaitu dibawah pendengaran manusia.
- 5.1.24 Ruang masuk di sebelah bumbung untuk Burung Waiit dipastikan selamat dari pemangsa-pemangsa Burung Walit. Serbuk seperti belerang boleh ditabur untuk menghindarkan dari ular, biawak dan tikus besar. Ruang buka dibumbung ini perlu dicondongkan dengan disediakan cucur atap supaya ia tidak boleh dimasuki hujan atau angin ribut.

⁷ Desible - unit untuk tahap aras bunyian.

⁸ Frekuensi - unit (Hz) iaitu getaran bunyi per saat.

- 5.1.25 Semua pembukaan yang dibina untuk mendapat lebih ventila; mesti dibersihkan sekali seminggu untuk mengelakkan dai tubangnye tersumbat.
- 5.1.26 Perparitan disekeliling luar dan dalam premis laluan air (dalamnye mesti sentiasa lancar.
- 5.1.27 Merokok di dalam ruangan premis Burung Walit dilarang sam sekali.

SEKSYEN 6 - KEPERLUAN TERTENTU UNTUK SESUATU SPESIS 6.1 Burung Walit

- 6.1.1 Pengurus dan sesiapa yang bertanggungjawab untuk burur mesti tahu keselesaan untuk sesuatu spesis supaya dap meminimakan ketegangan dan menghindar dari kecederaa Burung ini akan hidup dan membiak dengan baiknya jika ala persekitaranye adalah serasi baginye.
- 6.1.2 Kesemua burung mesti berupaya mengembangkan kedua-d sayapnye dengan maksima dan boleh terbang tanpa a halangan di ruang premis yang disediakan.
- 6.1.3 Ianya disyorkan untuk menyediakan sangkar pengasingan unt rawatan Burung Walit yang sakit atau tercedera.
- 6.1.4 Tanda-tanda sakit yang memerlukan perhatian adalah:
- 3* Perubahan pada rupa luaran iaitu, bulu kusut atau el kerap berhenjut keatas dan kebawah.
 - *• Perubahan pada pandangan kasar tinja.
 - >• Perubahan pada berat badan.
 - >• Tumbesaran atau bengkak.
 - >• Muntah, kecederaan atau berdarah.
 - > Cecair keluar dari lubang hidung, mata atau paruh.
 - >• Tompokkan atau kopeng di kaki, mata atau lubang hidung.

- >• Mata yang merah, bengkak dan mengeluarkan cecair.
- >• Cirit-birit yang teruk, terutama sekali jika ada tompokkan darah.
- >• Tidak berupaya untuk menenggek, mencengkam dan tidak boleh berak.
- >• Susut berat badan.
- >• Menunjukkan kesakitan.
- >• Kekejangan atau tidak bermaya untuk berdiri/berjalan dsbg.
- >• Tompokkan botak atau kehilangan bulu yang teramat.
- >• Tidak ceria and keletihan dan tak bermaya.
- >• Kepala menggeletar.
- >• Perubahan pernafasan dari gaya yang biasa.

- 6.1.5 Pagar keliing mesti berupaya menyekat dan menghindar semua jenis pemangsa dari memasuki premis ini.
- 6.1.6 Disyorkan menggunakan bahan pagaran yang sesuai serta teknik binaan yang boleh mengurangkan mana-mana kecederaan.
- 6.1.7 Penggunaan pagar duri (*barb wire*) tidak boleh digunakan melainkan ianya digunakan sebagai menghindar pemangsa. Untuk itu, ianya digunakan di bahagian tiang pagaran luar atau digunakan di sebelah bawah untuk pembinaan pagar mata punai sebagai pagar keliing.
- 6.1.8 Dawai pagar bag! pagar keliing mestilah dilekatkan dibahagian dalam tiang pagar keliing.
- 6.1.9 Pintu pagar mesti direka bentuk supaya dapat menghindarkan mana-mana haiwan dapat menembusi dari sebelah bawah pintu pagar ini atau berupaya menanggalkan pintu pagar ini.
- 6.1.10 Pintu pagar dua lapis disyorkan, terutamanya dipintu masuk utama. Pintu pagar harus selalu di kunci dan mangga untuk menghindarkan dari diceroboh.

SEKSYEN 7 - PENCANGKUTAN

(rujuk Apendix - Pengangkutan mengikut IATA»)

7.1 Perkara Am

- 7.1.1 Dalam keadaan atau lokasi yang baru, Burung Walit yang sih adalah cergas dan ceria tetapi mungkin belum berani unti merayau-rayau di seluruh premis baru ini. Pergerakkan yai melulu, bunyi atau kerripan api mesti dihindarkan. (Seksyen 3.-
- 7.1.2 Sesiapa yang mengendalikan atau mengangkut burung ini me< diberi arahan dan pengetahuan berkenaan perilaku di kebajikan haiwan berkenaan, dan mesti mengikut peratun dibawah Akta Veterinar dan Ordinan Haiwan (Apendix 2).
- 7.1.3 Agen perkapalan adalah bertanggungjawab mengupah agcil pengangkutan yang berkeelayakkan. Agen pengangkut tidi boleh di upah melainkan mereka:
- i) Tel ah menunjukkan mereka ini bertanggungjawi dalam pengendalian burung ini, dan
 - ii) Mengendalikan kenderaan yang cukup lengkap deng

betul.

- 7.1.4 **Pemandu adalah bertanggungjawab atas penjagaan d kebajikan burung semasa kenderaan dioperasi, dan sema memunggah naik dan turun muatan.**
- 7.1.5 **Majikan adalah bertanggungjawab untuk memastikan paman telah dilatih dan berpengetahuan didalam menjaga d mengendalikan haiwan berkenaan.**
- 7.1.6 **Setiap muatan mesti diperiksa dalam masa 20 minit ya pertama selepas dinaikkan dan setiap 4 jam seterusnya.**

9 IATA - International Air Transport Association (Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa

- 7.1.7 **Pengangkutan burung yang liar/exotik daripada permulaan titik perjalanan hingga ke destinasi terakhir mestilah melalui laluan yang paling singkat dan sampai tempat yang dituju tanpa lengah.**
- 7.1.8 **Pemandu mesti menghidupkan enjin, memandu dan berhentikan kenderaan dengan baik dan licin, menghindari membelok tajam di selekoh dengan laju.**

7.2 Pemindahan Jarak Jauh

Pengangkutan dari tempat penetasan ke prenris tetap perlu dilakukan dengan cermat. Walaupun anak burung yang sihat boleh berpuasa selama 24 jam, tetapi pengangfcutan mesti lancar dan tidak melebihi 48 jam.

7.2.1 Burung yang Mengalamt Ketegangan

- 7.2.1.1 **Sebelum diangkutU burung, mestilah dalam keadaan fizikal yang baik serta sihat. Mana-mana burung yang tidak sihat, tercedera, cacat, lesu atau akan menyebabkan ianya mengalami kesakftan apabila digerakkan, adalah tidak sesuai untuk di angkut kemana-mana destinasi.**
- 7.2.1.2 **Penjagaan dengan penuh betas kasihan serta logik adalah diutamakan jika terpaksa mengerakkan burung yang mengalami ketegangan. Setiap burung dtperlakukan sebegini dengan sabar dan jika perlu berehat sejenak untuk mengelakkan ketegangan.**

7.3 Mengangkut dan Memunggah

- 7.3.1 **Haiwan mestilah dipunggah naik atau turun tanpa dice atau menyebabkan keresahan. Reka bentuk serta jagaa pemunggahan mesti memberi keselesaan pada pemui haiwan ini.**
- 7.3.2 **Pintu kenderaan dan pintu pagar dalam mesti cukup lua membenarkan sangkar haiwan ini lalu tanpa mencederal menyakitkan burung didalamnya.**

7.4 Kenderaan dan Kontena

7.4.1 Definisi:

Kenderaan - mana-mana kenderaan yang digunakan mengangkut burung, termasuk lori, traktor-implemen, feri, kapal dan kapal terbang.

Kontena - kotak atau peti yang direkabentuk untuk mengangkut barang iaitu burung yang boleh digerakkan berasingan ds cara pengangkutan ke yang lainnya.

7.4.2 Pengangkutan yang digunakan untuk mengangkut burung mestilah mempunyai kemudahan untuk mengangkat menurunkan serta keselamatan kepada burung-buruni pekerja semasa diangkut.

7.4.3 Burung-burung mestilah hanya diangkut ke dalam kenc yang bersih dan disanitasikan.

7.4.4 Kenderaan dan kontena yang digunakan untuk mengangkut burung-burung mestilah disediakan dengan dinding, lantai siling yang kuat dan selamat dan tidak mempunyai julur tepi yang tajam.

7.4.5 Lantai hendaklah tidak licin dan diperbuat daripada bahan yang kalis licin. Kemudahan hendaklah disediakan bagi penyaliran dan pembuangan najis.

7.4.6 Kenderaan mestilah dibentuk bagi memastikan bahawa tiada bahagian burung-burung menjulur keluar darinya.

7.4.7 Kenderaan mestilah mempunyai pintu yang boleh ditutup rapat dan selamat, dengan sistem kunci yang selamat.

7.4.8 Kenderaan mestilah direkabentuk yang boleh menyediakan burung dengan aliran udara yang mencukupi sepanjang masa, disamping mengelakkan tiupan angin yang kuat. Perhatian mestilah diambil bagi mengelakkan kemasukan asap daripada ekzos ke ruangan burung-burung ditempatkan.

7.4.9 Kenderaan dan kontena hendaklah dibersihkan dan dinyah kuman selepas setiap pengiriman.

7.4.10 Kenderaan yang digunakan untuk mengangkut burung Walit hendaklah berada dalam keadaan baik mestilah mematuhi peraturan jalanraya.

7.4.11 Kontena hendaklah direka, dibentuk dan dilabel sepenuhnya, termasuk spesis burung, dan hendaklah mempunyai yang jelas cara pemakanan dan pengurusannya. Kontena mestilah dipasang dengan kukuh ke atas kenderaan bagi mengelak ianya bergerak di dalam perjalanan. Kontena yang mengandungi burung mesti setidak boleh dicondongkan semasa mengangkat dan menurunkan burung.

7.4.12 Pengangkutan burung melalui udara mestilah mematuhi peraturan IATA Live Animal Regulation yang sedia ada. Salinan peraturan boleh didapati daripada Pembantu Penerbitan, IATA, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kuala Lumpur.

(sila rujuk Apendix 6 - untuk penerangan lanjut)

- 8.1 Burung mestilah disediakan dengan ruang iantai yang mencukupi dalam sangkar di dalam kontena atau kenderaan bagi memastikan burung tidak mengalami kesesakan yang akan mendedahkan mereka kepada kecederaan atau penyeksaan.
- 8.2 Setiap ekor Burung Walit mesti berupaya bertenggek dalam keadaan semulajadi, mengizinkan pergerakan kepala dengan selesa tanpa menyentuh geladak atau bumbung sangkar.
- 8.3 Setiap ekor Burung Walit mesti boleh bertenggek dengan selesa setiap masa.
- 8.4 Sebagai panduan untuk mendapatkan 8.2, perkiraannya adalah panjang x lebar ruangan yang dihuni oleh setiap ekor burung apabila sayapnya dibuka, kemudian dibahagikan dengan angka tersebut bagi mengii bilangan burung yang boleh dimuatkan. Kurangkan bilangan burung sedikit untuk perjalanan yang jauh atau semasa cuaca panas.
- 8.5 Pengasingan
 - 8.5.1 Burung hendaklah diasingkan mengikut spesies, saiz, jantina umur, kumpulan sosial atau keserasian. •
 - 8.5.2 Apabila kenderaan tidak penuh, burung hendaklah dihadkan ruangnya dengan sempurna pada ruangan yang lebih kecil untuk memastikan kestabilan burung dan kenderaan.
- 8.6 Makanan, Air dan Rehat
 - 8.6.1 Burung perlu diberi minuman anti-stress¹ sebelum dinaikkan untuk diangkut untuk perjalanan.
 - 8.6.2 Dimana apabila masa pengangkutan melebihi 24 jam, agensi pengangkut mesti mengangkut burung dalam kenderaan yang air boleh diberi secara merenjkannya ke burung-burung ini dan membasahkan daun-daun jika ada setiap 4 jam semasa perjalanan. Teknik ini akan menyejukkan burung semasa cuaca panas.
 - 8.6.3 Langkah-langkah pencegahan semasa cuaca buruk.
 - 8.6.4 Burung dilindungi daripada tiupan angin semasa dalam perjalanan. Penjagaan rapi diambil terutamaanak burung 1 bulan kebawah dengan menyediakan ruang yang bersih dan kering.
 - 8.6.5 Apabila suhu keselesaan (*ambient*) melebihi 30°C, burung tidak harus diangkut melainkan ada sediakan kemudahan khas untuk menyejukkan burung-burung (e.g., dibasahi selalu dengan pancutan air, penghawa dingin atau ketulan ais diletakkan dimana pengaliran udara akan menyejukkan kontena). Pengendalian mesti diminimakan dan densiti memungah naik dikurangkan. Pengaliran angin yang tiada mengenai asap ekzos senantiasa disediakan untuk memastikan burung ini selesa.
 - 8.6.6 Semasa panas dan kelembapan teramat, pengangkutan elok di aturkan pada waktu malam atau awal pagi. Laluan yang dicadangkan diambil kira menjauhi trafik yang banyak, dan meminimakan masa kenderaan berhenti. Kenderaan tidak boleh diletakkan di bawah pancaran matahari yang terik.

¹⁰ anti-stress - ramuan yang mengandungi zat galian dan vitamin yang boleh memberi tenaga yang boleh mengurangkan ketegangan (stress).

8.6.7 Dalam situasi dimana kelewatan tidak diduga, garis pand kecemasan perlu diikuti (Apendix 5). Dalam masa yang s; agen pengangkutan dan penerima mesti dihubungi. Tuanpu adafah bertanggungjawab dalam menjangka tempat kecema untuk kerja-kerja pemungghahan dan pertolongan yang munj perfu.

8.7 Pengendalian

8.7.1 Burung hendaklah dialihkan melatui pelbagai fasiliti dene sabar dan secepat mungkin untuk mengurangkan ketegang dan membuat tugas ini selamat dan efisien.

8.7.2 Masa yang cukup mesti diambilkira untuk memberi ruang wad pada premis pengangkutan tanpa membebankan burung-buni ini semasa pengendaliannya.

|

8.8 Fasiliti Menyimpan Haiwan

8.8.1 Sangkar burung yang cukup mesti disediakan unHJ mengelakkan dari kesempitan, untuk menyenangkan menpengasingan spesis, dan untuk membenarkan setiap burun untuk menenggek dengan selesa.

8.8.2 Fasiliti Menyimpan Haiwan mesti selesa dan dapat menjag Burung Walit dengan selamat dari pelbagai anasir luar.

8.8.3 Setiap sangkar penyimpan mesti berventilasi yang cukup untul meminima ketegangan pada burung dan peningkatan bau dar kondensasi yang teramat.

8.8.4 Sangkar penyimpan mesti disediakan dengan air minum yang bersih. Pemanas air disediakan dengan makanan yang mencukupi dengan lapit untuk tidur yang mempunyai ruang yang membenarkan burung untuk tenggek pada masa yang sama dan dimana makanannya tidak tercemar.

8.9 Pengendalian tertentu dalam Pengendalian Burung yang Cedera, Sakit atau Burung yang Mengalami Kecacatan

8.9.1 Burung yang sakit, cedera atau cacat mesti segera dipisahkan daripada burung yang sihat.

8.9.2 Alatan disediakan untuk membawa burung yang tidak cedera di dalam premis tanpa menyebabkan keresahan yang boleh dihindarkan.

8.9.3 Keutamaan mesti diberi untuk eutanasia burung yang tercedera atau burung yang mengalami kecacatan.

8.10 Standard Minima

- 8.10.1 Penjual atau pengusaha mesti menyediakan tempat tinggal dan alatan yang sesuai menepati keperluan fizikal dan perilaku haiwan yang dikurung (held).
- >• Rumah Burung Walit, sendiri atau berkembar, mesti menyediakan keperluan asas untuk menenggek, makan, minum, rehat tidur, bertelur atau terbang.
 - >• Sangkar mestilah cukup luas bagi burung untuk membuka kedua-dua sayapnya sekaligus.
 - > Alas sangkar diperbuat dari bahan yang bukan toksik dan diganti jika perlu.
- 8.10.2 Penjual atau pengusaha mesti memastikan keselamatan **burung** dari keadaan semulajadi atau tiruan, haiwan lain dan **gangguan** daripada manusia.
- > Semasa musim tengkujuh, alatan penghangat disediakan pada suhu yang sesuai bagi mengelakkan kesejukan.
 - > Perumahan burung Walit ini dimestikan serba lengsi ventilasi yang kalis angin untuk mengelak perkumpulan amonia, kelembapan, kehangatan habuk.
 - >• Burung hendaklah tidak terdedah pada matahari, **selepas** dari tingkap melainkan ada infrastuktur teduhan dan ventilasi yang sesuai dibuat. Jika mana-mana **burung** menunjukkan perilaku ketegangan ianya perlu diasingkan.
 - >• Lampu dekat atau di dalam rumah burung tidak **boleh** mengeluarkan haba melainkan ianya memang diperlukan.
 - »• Perbukitan dalam mesti tiada bucu-bucu yang **boleh** mencederakan burung.
- 8.10.3 Penjual atau pengusaha mesti menyediakan tempat untuk mencari makan dan minum yang mencukupi untuk memastikan burung sihat.
- > Air yang bersih dan tidak tercemar mesti disediakan, serasi didapati dan disediakan di dalam bekas yang sesuai.
 - >• Burung ini mesti berupaya mendapat makanannya setiap hari dan tiada hindaran dalam menyediakan makanan ini.
 - >• Apabila burung berada di dalam transit, makan dan minum mesti disediakan dalam perjalanan yang jauh ini.
- 8.10.4 Penjual atau pengusaha mesti melindungi burung ini dari penyakit, keresahan dan kecederaan.
- >- Penyelia burung ini mesti cekap dalam mengendalikan spesies yang serasi dan yang tidak, untuk mengelakkan ketegangan dan kecederaan.
 - >• Sangkar atau rumah burung mesti dibina supaya ianya dapat mengelakkan pencerobohan.
 - >• Mesti ada ruang yang cukup untuk terbang dengan selesa.
- 8.10.5 Pemilik atau pengusaha mesti bersedia jika perlu, untuk memberi rawatan veterinar atau sebaliknya dalam jika ada berlakunya penyakit atau kecederaan.
- > Mana-mana burung yang hendak dijual mesti bebas dari penyakit atau kecacatan.
 - >• Apabila ada tanda-tanda penyakit atau kecederaan, dengan segera diberi rawatan yang patut.

untuk melindungi burung dari penyakit dan mengelakkan dari penyakit merebak.

- >• Mana-mana burung yang sakit mesti dikeluarkan dari premis dan diasingkan daripada yang lain. Pemeriksaan dari Pegawai Veterinar mungkin perlu.
- >• Walaupun dirawat atau mengembalikan kesihatan burung tidak berjaya dan praktikal maka burung-burung tersebut haruslah dimatikan dengan berperikemanusiaan.

8.10.6 Pengusaha atau tuannya mesti mengekalkan 'hygiene' dan kebersihan sesuatu premis termasuk kesihatan burung yang sediada di sana.

- >• Premis burung yang direkabentuk mesti mu dibersihkan, pemeriksaan burung dan men makan dan minum jika disediakan.
- >• Permukaan premis yang akan bersentuhan deng, mesti dibina dari bahan b/naan yang kalis air c telus. Bucu dan tempat yang disambung mesti di dengan rapi.
- >• Premis Burung, persekitarannya, alas sangkar dikurung mesti selalu bersih, selesa dan bebas penyakit.
- >- Hanya alas yang bersih dan kering digunakan. Semua sangkar mesti bersih dan kering sebelum alas baru diletakkan.
- >- Alas sangkar mesti diperbuat dari bahan yang dibasuh dan dinyahkuman.
- >• Jika semburan digunakan untuk mengawaf lalat serangga, ianya tidak bo/eh sama sekafi di sembur makanan, minuman yang terdedah atau burung. S.10.7 Pengusaha atau tuannya mesti memantau pemaka minuman dan pemeriksaan burung harian, untuk memast kebajikan mereka.
- >• Penjual/pengusaha mesti menyelia pekerjaanya, yang te atau yang separuh masa atau mereka ini digaji atau dit imbuhan dalam bentuk lain.
- >• Kesemua penjual/pengusaha dan pekerja mesti tal tanggungjawab masing-masing terhadap burung ini di cekap mengendalikanya

8.10.8 Penjual/pengusaha mesti memastikan bahawa burung ini adalah dalam transit, atau untuk dijual dan dan meninggalkan premis secara:

- >• Sangkar pengangkutan adalah sesuai untuk mengelakkan dari trauma yang dilakukan keatas diri sendiri (*self-induced trauma*), tetapi cukup luas untuk burung ini bergerak.
- »• Sangkar yang digunakan untuk pengangkutan mestilah terkunci kuat dan selamat untuk membawa burung di dalamnya.

8.10.9 Pengusaha/penjual mesti memberi penjagaan yang berterusan untuk kesemua haiwan semasa tiada jualan dijalankan.

APPENDIX 1

PENYAKIT YANG WAJIB DIHEBAHKAN

Untuk semasa dibawah Akta 2 Veterinar, berikut adalah penyakit yang dihebahkan yang mungkin melibatkan Haiwan berkenaan:

PENYAKIT YANG DISENARAIKAN OLEH OIE PENYAKIT OALAM SENARAI A

Highly pathogenic avian influenza Newcastle disease

PELBAGAI PENYAKIT AVIAN DALAM SENARAI B

Avian infectious bronchitis
Avian infectious laryngotracheitis
Avian tuberculosis
Duck virus hepatitis
Duck virus enteritis
Fowl cholera
Fowl pox
Fowl typhoid
Infectious bursal disease (Cumboro disease)
Marek's disease
Avian mycoplasmosis
Avian chlamydiosis
Pullorum disease

PENYAKIT TIDAK DIMASUKKAN DIDALAM SENARAI A ATAU B

Salmonella enteridis Salmonella typhimurium

Sumber: Tahun 2002 OIE9 Haiwan Antarabangsa (Kod Kesihatan)

⁹ OIE - Office International Des Epizootics

APPENDIX 2

PENGANGKUTAN BURUNG-BURUNG

Pengangkutan burung di dalam atau, keluar, atau kedalam Negara Malaysia adalah terikat pada syarat-syarat yang berikut. Apendix ini adalah rumusan mudah pada Peraturan, sebab ia berkaitan dengan burung dan perlu disimpan di dalam kenderaan anda. Ianya bukan sebuah dokumen resmi.

ANDA MESTI TIDAK

>• Membawa burung yang sakit atau tercedera dimana kesusahan yang dialami yang boleh dielakkan akan

berterusan dimana mengangkut burung yang tercedera, jatuh sakit, atau tidak si hat untuk perjalanan.

- >• Memunggah atau mengangkut burung dimana ianya akan mengalami kecederaan dan keresahan yang berterusan.
- >• Meletakkan terlalu banyak burung di dalam sebuah sangkar dimana ianya akan mengalami kecederaan atau keresahan yang berterusan.
- >• Mengangkut burung dimana kecederaan atau keresahan disebabkan rekabentuk kenderaan tidak sempurna, penyambungan tidak betul, terdedah pada cuaca luar atau ventilasi yang tidak mencukupi.
- >• Sangkar yang tidak dibuat atau jaga dengan sempurna dan kemungkinan akan menyebabkan kecederaan atau keresahan pada burung.
- >• Menyimpan burung di dalam kenderaan lebih dari 48 jam melainkan mereka ini boleh sampai ke destinasi dalam masa 52 jam dan makan serta minum disediakan.
- >• Menaikan muatan burung untuk perjalanan melebihi 24 jam tanpa dahulu member! makan dan minum 5 jam sebelum dinaikkan.

ANDA DIMESTIKAN

Mengasingkan burung:

yang berlainan spesies
yang ada perbezaan berat badan
yang ada perbezaan umur yang ketara, atau
yang tidak serasi pada azali

Membenarkan mana-mana burung menengek dalam keadaan yang ia nya biasa

Menyediakan saluran dan penyerapan najis yang ada.

APENDIX 3

PROSIDUR KECEMASAN

SEMASA DALAM PENGANKUTAN

Sila lekatkan di dalam kenderaan untuk pengangkutan

Peraturan prosidur kecemasan untuk tindakan pemandu semasa I kerosakkan, kemalangan, atau kelewatan lain semasa perjalanan.

1. Telefon Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kuala Lumpur segera untuk melaporkan situasi kecemasan.
2. Semasa waktu pejabat, telefon Doktor Perubatan Veterinar yan serta pengurus premis yang akan menerima atau agen pengh penerima.
3. Telefon premis atau destinasi lain. (Lekatkan bersama nomb pada waktu luar pejabat).

4. jika perlu, ambil tindakan untuk mengangkut muatan burung menggunakan kenderaan yang lain supaya dapat memindahkan muatan ke kawasan yang ada perlindungan atau ke pejabat jabatan Perkhidmatan Haiwan yang terdekat.
5. Semasa cuaca sangat panas, sejuk atau hujan ribut, can tern pat perlindungan untuk muatan sehingga keadaan in! reda.
6. Dapatkan pendapat Doktor Perubatan veterinar jika ada burung yang tercedera atau mengalami ketekanan.
7. Buat sesuatu! Cuna akal fikiran. Keselesaian burung diberi keutamaan.

APENDIX 4

FORMULA MAKANAN UNTUK ANAK BURUNG YATIM

Makanan

Susu + biskut kering (Marie) + telur rebus. Semua ini dicampurkan dan dilenyek dan kemudian diberi/suapkan ke anak burung setiap 3 jam.

Air 1-4 mililiter (glukos + air + vitamin + garam galian) dicampurkan

APPENDIX 5

KITARAN TAHUNAN PEMBIAKAN BURUNG WALIT BERSARANG PUTIN

APPENDIX 6

LUAS KAWASAN YANG DISYORKAN UNTUK MEMBUAT SARANG WALIT

Panjang Burung Walit	Membuat sarang	Kawasan	Luas
130mm (13 sm) burung dewasa	Bilangan burung	tinggi (sm) x lebar (sm) x panjang (sm)	luas kawasa lantai untuk setiap tamb seekor burung (sm)
	6	30 (sm) x 10.16 (sm) x 15.24 (sm)	153 (sm*)

APENDIX 7

ANIMAL IMPORTATION ORDER, 1962

**REGULATIONS FOR THE IMPORTATION OF HATCHING EGG
MALAYSIA**

- A. Hatching Eggs
- B. Country of Export Any Country
- C. Purpose Any Purpose
- D. Regulations for importation

1. Import Licence

Each consignment of hatching eggs shall be accompanied by an import licence; issued by the Department of Veterinary Service permitting the importation into Malaysia.

2. Veterinary Certification

Each consignment of hatching eggs shall be accompanied by a **veterinary health certificate** dated within thirty (30) days of the importation and signed or endorsed by a competent veterinary officer of the Government Veterinary Authority of the country of export certifying that:-

- 2.1 The country or part of the country or state of origin has been continuously free from Newcastle disease, fowl plague and fowl cholera for the past twelve (12) months prior to and till the date of export;
- 2.2 In the case of domestic fowl, chicken, turkey, swiftlets or quail eggs, the eggs have to be derived from a registered farm which is accredited to be free from salmonella pullorum and salmonella enteritidis; and no case of infectious bronchitis, infectious laryngotracheitis, infectious bursal diseases, marek's disease, egg drop syndrome, swollen head syndrome, avian encephalomyelitis, salmonellosis and mycoplasmosis had been diagnosed or occurred on the farm in the preceding six (6) months prior export;
- 2.3 In the case of the swiftlets' eggs that the eggs were accompanied with a CITES¹ form from the country of origin.
- 2.4 In the case of duck or goose eggs that the eggs were derived from a registered farm which is accredited to be free from duck viral enteritis and duck viral hepatitis in the preceding six (6) months prior export;
- 2.5 The eggs were incubated in a hatchery approved by the veterinary authority of the country of export and that no eggs from any other farm have been incubated in the same incubator at the same time;

¹ CITES - Certificate of International

- 2.6 The eggs and incubators used in the hatch* fumigated and disinfected prior to incubation;

- 2.7 The eggs destined for export to Malaysia were fumigated and packed direct from the

incubator into satisfactory clean and new disposable boxes

- 2.8 The eggs destined for export to Malaysia h; inoculated with any micro-organisms no contaminated with any pathogenic organisms.

3. Transportation

Each consignment of hatching eggs imported into Mala' carried by ship or aircraft or any vehicle, direct to the presc place in Malaysia.

4. Surrender of Official Documents in Malaysia

All official documents required under each importatic surrendered for verification to the Director General (DCVS) Director of Veterinary Services Malaysia or to any authoi assigned by DCVS¹² on arrival in Malaysia.

5. Veterinary Inspection

Each consignment of hatching eggs imported into Malays subjected to veterinary inspection by the authorised offi Department of Veterinary Services Malaysia at the port of disen point of entry on arrival in Malaysia. The DVS has the righ destroy or further detain any consignment when deemed nec«

¹² DCVS - Director General of Veterinary Services

6. Other Conditions

The farm and hatchery will be subjected to inspection by the officials from the Department of Veterinary Services Malaysia as and when deemed required.

7. Fees

Each consignment of hatching eggs imported into Malaysia shall be subjected to the following fees:

- (i) Import Licence**

RM2.00 per licence

ii) **Veterinary Inspection** : RM50.00 per consignment

Department of Veterinary Services *Ministry of Agriculture Malaysia*
(revised on : December 1994)

APPENDIX 8

White-nest Swiftlet (*Aerodramus fuciphagus*)

93.8% breeding

Average egg produced/pair = 1.49

Average nestling raised/pair =

0.97 Replacement egg = — NA —

59.7% breeding

Average egg produced/pair = 0.77

Average nestling raised/pair =

0.44 Replacement egg = 108 ± 14 days

96.1% breeding

Average egg produced/pair = 1.88

Average nestling raised/pair =

1.32 Replacement egg = 47 ± 10 days

JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC
JAN	FEB	MAR	APR	MAY	JUN	JUL	AUG	SEP	OCT	NOV	DEC

Replacement egg = 17 ± 3 days
Average nestling raised/pair =
0.68 Average egg produced/pair =
1.22 91.6% breeding

Replacement egg = 82 ± 20 days
Average nestling raised/pair =
0.57 Average egg produced/pair =
0.95 77.8% breeding

Replacement egg = 19 ± 6 days
Average nestling raised/pair =
0.79 Average egg produced/pair =
1.35 91.6% breeding

Black-nest Swiftlet (*Aerodramus maximus*)

Second Breeding Bout (halfway of breeding season)

Third Breeding Bout (period intense moult)

First Breeding Bout

(start of annual breeding season)

FEB

OCT